

Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur

Risk Teens Features: A Literature Review

AZZYATI MOHD NAZIM

FARIZA MD. SHAM

SALASIAH HANIN HAMJAH

ABSTRAK

Pelbagai jenis salah laku melibatkan golongan remaja di bangku sekolah seperti ponteng, merokok, mencuri, gangsterisme dan buli. Simptom negatif tersebut berkemungkinan menjadi sebab atau punca seseorang remaja berisiko terlibat dalam perkara negatif pada masa hadapan. Remaja berisiko sering dilabelkan dari pelbagai perspektif seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keciciran dalam arus pembelajaran, pengaruh rakan sebaya dan perlakuan negatif yang menyumbang kepada ancaman gejala sosial. Maka objektif penulisan ini dilakukan untuk menjelaskan konsep remaja berisiko dan mengenal pasti ciri-ciri remaja berisiko. Kaedah penulisan ini berbentuk kualitatif berdasarkan kajian-kajian dan penyelidikan yang terdahulu menerusi dokumen, jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan perbincangan mengenai remaja berisiko. Kaedah kepustakaan adalah asas utama dalam penulisan ini yang menganalisa secara induktif dan deduktif menggunakan dalil-dalil al-Quran dan hadis sehingga mencapai satu kesimpulan yang kukuh dalam mengenal pasti ciri-ciri remaja berisiko. Hasil penulisan mendapati bahawa ciri-ciri berisiko yang paling dominan dalam kalangan remaja berisiko ialah mereka yang terdiri daripada kumpulan yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan tidak mempunyai sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratian.

Kata kunci: Remaja berisiko; ciri-ciri remaja berisiko

ABSTRACT

Various types of misconduct involving young people in school are truancy, smoking, theft, gangsterism and bullying to list a few. Those negative symptoms are likely to be the cause or causes of a person to involve in negative activities in future. The risked teens currently raised from a variety of perspectives are often labeled as a loose family ties, drop in the current study, the influence of peers and negative behaviors that contribute to social threat. So the objective of this paper is done to clarify the concept of youth at risk and identify the characteristics of youth at risk. This is a qualitative method of writing based on these studies and previous research through documents, journals and books related to the discussion on youth at risk. Literature is the principal methods in this paper are analyzed using inductive and deductive arguments of the Quran and Hadis to reach a firm conclusion in identifying the characteristics of youth at risk. The literature found that the characteristics of the dominant risk in adolescents at risk are those from the group who have a dysfunctional family, has a background of low socioeconomic status (SES) and does not have the support of individual and environmental factors that act as protective as a parent, family member, community member, school and religion are central in determining patterns of mind and behavior of adolescents to avoid harm.

Keywords: Youth at risk; the characteristics of youth at risk

LATAR BELAKANG KAJIAN

Golongan remaja berisiko dapat dikenal pasti menerusi ciri-cirinya berdasarkan kepada kes penglibatan salah laku dan faktor-faktor penyebab yang mendorong seseorang untuk melibatkan dirinya dalam perbuatan yang salah sehingga menyalahi had toleransi nilai dalam masyarakat. Mereka adalah golongan yang sukar menerima penyesuaian diri dan

tanda-tanda awal ialah keterlibatan dalam kes-kes disiplin sekolah. Remaja hari ini terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang menyebabkan mereka mudah terjerumus ke dalam aktiviti kurang sihat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam persekitaran kehidupan mereka. Dalam deklarasi Beijing 1995: "lebih 15 juta gadis di antara umur 15-19 tahun, setiap tahun, melahirkan anak dan menghadapi kesulitan berkaitan dengan kehamilan

dan kelahiran. Gadis-gadis lebih terdedah kepada bahaya hubungan seks di bawah umur, risiko AIDS/HIV dan jangkitan penyakit dengan hubungan seks” (Kemajuan Wanita Menjelang Abad 2000 Deklarasi Beijing 1995: Platform Tindakan Deklarasi Jakarta 1994, 24). Kenyataan ini telah menunjukkan suatu permasalahan remaja yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak masyarakat.

Pelbagai isu sosial lain yang semakin bertambah melibatkan remaja sehingga mengancam kehidupan masyarakat di negara ini. Pelbagai jenis salah laku yang dikategorikan sebagai jenayah yang membabitkan harta benda atau jiwa manusia berlaku dalam masyarakat yang melibatkan golongan remaja di luar kawasan sekolah. Mereka terlibat dengan kes mencuri, mencabul dan ada yang terlibat dengan kes pembuangan bayi. Tahun 2005 menggambarkan bahawa golongan pelajar dan remaja di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu paling ramai terlibat dalam kes jenayah bagi tempoh enam bulan pertama. Jenis kesalahan paling banyak dilakukan oleh pelajar dan remaja adalah jenayah harta benda terutama pecah rumah iaitu, 1,263 kes dan jenayah kekerasan termasuk membunuh, cubaan membunuh dan mencederakan orang lain (*Utusan Malaysia* 2010). Berdasarkan statistik jenayah indeks yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia Kontinjen Terengganu menunjukkan pada tahun 2005 sejumlah 4,865 kes jenayah indeks telah dilaporkan berlaku dan jumlah itu meningkat 21.3 peratus pada tahun 2006 kepada 5,899 kes. Kes rogol, sejumlah 84 pada 2005, meningkat 124 pada 2006, mencabul kehormatan: 60 kes (2005) kepada 77 (2006), samun tanpa senjata api: 23 kes (2005) kepada 82 (2006), mencederakan manusia: 107 kes (2005) kepada 161 (2006), curi motosikal: 1,992 (2005) kepada 2,381 (2006), ragut: 106 (2005) kepada 180 (2006), pecah rumah: 1,188 (2005) kepada 1,360 (2006). Dari sejumlah 5,899 kes yang dilaporkan pada tahun 2006, sejumlah 3,063 kes atau 56.7 peratus berjaya diselesaikan melalui tangkapan seramai 1,829 orang penjenayah. Daripada sejumlah 1,829 tangkapan tersebut, seramai 1,810 orang atau 98.96 peratus adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam ([http://no2umno.wordpress.com/2008/02/17/\[2010\]](http://no2umno.wordpress.com/2008/02/17/[2010])).

Bagi perangkaan penglibatan dan tangkapan pelajar dan bukan pelajar dalam jenayah indeks (kekerasan dan harta benda) tahun 2010, 2009, 2008 (Jan-Mei), didapati kekerapan usia golongan remaja yang terlibat adalah dalam lingkungan 13 hingga 18 tahun. Ini menunjukkan usia mereka yang masih di bangku sekolah dan menjalani alam persekolahan.

Bagi kes buang bayi yang melibatkan remaja wanita bagi Jan-Mei 2009/2010 ialah 1 kes berlaku di Kuala Terengganu dan 1 kes di Dungun. Bagi kes mencabul kehormatan bagi Jan – Mei 2009/2010, daerah Kuala Terengganu mencatat jumlah yang tertinggi iaitu 9 kes (Polis Diraja Malaysia Kontinjen Terengganu). Pernyataan di atas menunjukkan penglibatan golongan remaja dalam jenayah juvana membimbangkan dan masalah dalam tempoh peralihan usia remaja sangat penting untuk ditangani.

Malah jenayah yang dilakukan oleh remaja bukan sahaja membahayakan diri mereka sendiri tetapi turut mengancam orang lain di sekelilingnya. Terdapat kes yang membabitkan remaja di Terengganu, seorang anak mengugut bunuh ibu dengan parang pada bulan November 2009 (*Utusan Malaysia* 2010). Mengenai perkembangan salah laku remaja masa kini, dalam *Utusan Minggu*, 7 Disember 2009, laporan menyatakan ada remaja tidak percayakan Tuhan. Keadaan zaman kini gawat dan keliru ternyata telah memberi kesan yang amat serius kepada akidah anak-anak remaja. Kalau dahulu masyarakat dikejutkan dengan gejala menghina agama dan al-Quran oleh pengikut-pengikut *black metal*, kini muncul pula gejala baru, iaitu ateis (tidak percaya pada kewujudan Tuhan). Selain daripada itu, petunjuk gejala sosial yang lain ialah pada tahun 2008, penemuan mayat bayi yang separuh terbakar di tempat pembuangan sampah di kawasan asrama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Chendering, Kuala Terengganu (*Utusan Malaysia* 2010). Kejadian buang bayi telah berlaku di Kuala Terengganu yang memperlihatkan budaya seks rambang dalam kalangan wanita yang terbabit.

Dengan melihat kepada permasalahan yang wujud, timbul persoalan kajian mengenai apakah ciri-ciri remaja berisiko bagi tujuan pencegahan awal. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri remaja berisiko.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan (*content analysis*) dan kajian kepustakaan. Analisis kandungan meneliti hasil tinjauan literatur (*literature review*) untuk mengenal pasti ciri-ciri remaja berisiko.

KONSEP REMAJA BERISIKO

Menurut pengertian bahasa Arab, dalam kamus *al-Muhit* (Al-Fairūz Abādiyy 1995: 800), remaja dikaitkan dengan istilah: رهق فلان، هقا yang bermaksud: ketololan, kebodohan, kejahilan, tunggang kejahatan dan kezaliman dan perbuatan sumbang. Oleh yang demikian, berlatar belakangkan kepada

pengaruh bahasa dan ketamadunan pemikiran Arab, remaja itu dihubungkan dengan ciri-ciri dan sifat kebodohan dan belum mencapai tahap kematangan. Kecuali mereka yang ada kesungguhan menurut tarbiyyah dan ajaran syari'at akan menjauhkan remaja dari sifat-sifat yang dinyatakan di atas lantas mengurangkan sifat memberontak dan kerosakan (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997: 16). Maka dapat dikatakan bahawa remaja berisiko ialah yang berhadapan dengan masalah dalam proses perkembangan usia remaja mereka.

Menurut Fākhir 'Aqil (1986: 281), terdapat satu tempoh masa yang dianggap bahaya semasa proses perkembangan remaja apabila ibu bapa sukar untuk memahami perubahan drastik yang berlaku kepada remaja dan perlakuan serta pendirian anak remaja. Akibatnya berlaku ketegangan dalam hubungan ibu bapa dan anak remaja. Oleh yang demikian, aspek-aspek jiwa anak remaja perlu diketahui oleh ibu bapa mengenai keadaan akil baligh, perubahan emosi, hubungan sosial antara kawan, hubungan dengan berlainan jantina. Selain itu, kesukaran memilih kerjaya masa depan, kenakalan dan percubaan remaja untuk bebas dari kongkongan kuasa ahli keluarga. Ciri-ciri golongan remaja sedemikian sedang mengalami mimpi di siang hari (*day-dreaming*) dan sering berada di alam fantasi berbanding dengan kegiatan yang produktif dalam kehidupan realiti yang sebenar sehingga sangat menitikberatkan penampilan diri dan hubungan di antara berlainan jantina (Fākhir 'Aqil 1986: 285).

Menurut pandangan Akram Redha (2002: 39) dalam bukunya *Syabāb bilā masyākil* mengenai lafaz '*storm and stress*' merujuk kepada remaja yang mempunyai ciri-ciri remaja yang berpenyakit. Oleh itu, penyimpangan remaja (آخر المراهقة) adalah kesan dari persekitaran (). Rasulullah SAW:

كُل مولود يولد على الفطرة فَأبْواه يهودانه أو ينصرانه
أو يمجسانه

Maksudnya: Tiada anak yang dilahirkan kecuali dengan (kecenderungan alamiahnya) fitrah. Maka orang tuanya yang membuat anak manusia itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi (*Sahih al-Bukhāri*, Juzuk: 1, Bab 91: (باب ما قيل في أولاد المشركين).

Proses pembentukan perlakuan remaja sebenarnya tidak timbul secara semula jadi. Menurut Bronfenbrenner (1917 – sekarang), secara ekologikal sistem persekitaran seperti persekitaran rumah, sekolah dan rakan sebaya, persekitaran pekerjaan ibu bapa, rangkaian kenalan abang atau kakak dan

institusi lain seperti sekolah, sahabat handai, media massa, perundangan dan kejiranannya begitu kuat dalam mempengaruhi perkembangan sepanjang hayat manusia terutamanya perkembangan perlakuan pada peringkat kanak-kanak dan remaja (Thomas 2000: 402 – 418) dalam tesis (Mohammad Nasir Bistaman 2006: 79).

Sehubungan ini, berdasarkan kajian perkembangan Teori Ekologikal oleh Bronfenbrenner, minat dalam kajian tentang perlakuan remaja seterusnya semakin meluas berkisar kepada aspek perkembangan remaja dalam konteks pelbagai faktor seperti sejarah, ekonomi, sosial dan budaya. Ia turut melibatkan latar persekitaran termasuk keluarga, rakan sebaya, sekolah, tempat ibadat, kejiranannya, komuniti, makmal-makmal universiti dan persekitaran yang lebih menyeluruh sama ada di Amerika Syarikat, China, Mexico, Mesir dan sebagainya (McLoyd 1988). Jelas di sini para pengkaji pada masa kini telah melihat perkembangan remaja secara lebih objektif dan menyeluruh berdasarkan kepada konteks persekitaran yang merangkumi keluarga, rakan sebaya, sekolah dan budaya dalam tesis (Mohammad Nasir Bistaman 2006: 79).

Dalam membicarakan mengenai konsep remaja berisiko, terdapat pendekatan konseptual "Teori Ekologi Perkembangan Individu," Bronfenbrenner (1979) memperlihatkan bahawa kanak-kanak dan remaja sentiasa mengalami proses perkembangan dengan menerima pengaruh daripada persekitaran melalui sokongan dan hubungan yang pelbagai daripada keluarga, komuniti dan institusi sosial yang lebih luas. Menurutnya lagi berdasarkan bukti yang kukuh daripada pelbagai kajian telah menunjukkan sejumlah besar aspek luaran individu (persekitaran) seperti keluarga, komuniti dan institusi sosial cukup kuat mempengaruhi setiap tahap perkembangan manusia. Pengaruh ini meliputi pelbagai proses seperti:- 1) proses dalam keluarga sama ada secara langsung (hubungan antara ibu bapa dan remaja), atau secara tidak langsung (hubungan sesama ibu bapa); 2) proses yang berlaku dalam kumpulan rakan sebaya; 3) sokongan sosial yang diperolehi; 4) proses sumber sokongan daripada komuniti; 5) persekitaran yang selamat dan kehidupan yang berkualiti; dan 6) kehadiran institusi yang lebih luas seperti sekolah (Bronfenbrenner 1979).

Berhubung dengan perlakuan bermasalah yang sering dikatakan pada peringkat remaja, secara empirikal faktor persekitaran telah dibuktikan begitu kuat berperanan dalam mempengaruhi pola perlakuan. Berteraskan kepada pendekatan ekologikal, perlakuan-perlakuan bermasalah di peringkat

remaja adalah berhubung rapat dengan masalah perkembangan remaja itu sendiri. Justeru itu, faktor-faktor persekitaran luar negatif seperti proses dalam keluarga, kumpulan rakan sebaya, sokongan sosial dan sumber-sumber komuniti, keselamatan jiran, mutu kehidupan dan institusi-institusi tertentu begitu rapat hubungannya dengan proses perkembangan perlakuan di kalangan remaja (Baruch & Stutman 1994; Lerner 1993; Wozniak & Fischer 1993). Oleh itu, faktor-faktor persekitaran luar negatif tersebut dianggap sebagai faktor-faktor berisiko yang memberi sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada perlakuan bermasalah terutamanya pada peringkat remaja. Kanak-kanak atau remaja yang terdedah dengan persekitaran sosial berisiko dianggap sebagai kanak-kanak atau remaja berisiko (Garmezy 1991) dalam (Mohammad Nasir Bistaman 2006: 80).

Oleh yang demikian dalam mengenal pasti golongan muda yang berisiko adalah melihat kepada tempoh perkembangan usia remaja sebagaimana pandangan Hall (1916) dalam (Capuzzi & Gross 2004: 8) menjelaskan bahawa remaja adalah suatu jangka masa atau waktu yang penuh dengan konflik dan masalah dan menggambarkannya sebagai fasa '*storm and stress*' dalam proses perkembangan mereka dan hal-hal bermasalah yang timbul daripada mereka seperti kekacauan dan kerusuhan (*turmoil*), percubaan (*trial*), berkompromi (*compromise*) dan tekanan (*stress*). Oleh itu, konflik jiwa boleh membawa risiko krisis nilai kehidupan jika gagal ditangani. Maksud krisis ialah satu keadaan yang serius di mana seseorang individu atau sesuatu kelompok atau komuniti tidak dapat mengendalikan sesuatu masalah atau konflik dengan menggunakan sumber dan cara penyelesaian biasa (Majlis Sosial Negara, subsistem 11: 1).

Berisiko juga dapat dilihat dalam pelbagai aspek dalam menafsirkan perlakuan jenayah kerana ia gabungan dari pelbagai sebab '*the multi causal approach no one cause is adequate to explain the varied and complex behaviour included crime and delinquency*' ('Abd al-Rahmān Muhammad al-'Aisawiyah 1999: 291). Oleh yang demikian, pandangan bagi remaja berisiko juga dapat dikaitkan dengan masalah kenakalan dan jenayah.

Perbuatan yang menyimpang secara signifikannya terkeluar daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial sesebuah masyarakat. Ia juga boleh dikatakan sebagai kelakuan mengikuti arah yang tidak dipersetujui yang bertentangan dengan norma dan melebihi had toleransi sesuatu masyarakat (Asmak Haji Ali) dalam (Fuziah Shaffie et al. 2009: 5).

et al. 2009: 6). Manakala 'Ali Husayn Zaydān (1991: 525) membicarakan takrifan penyimpangan ialah meninggalkan kebenaran, kesederhanaan dan istiqāmah dari jalan yang lurus menurut agama Islam. Agama dinamakan jalan kerana ia membawa ke jalan syurga. Jalan yang lurus hanya ada satu dan jalan yang menyimpang adalah jalan sesat.

Sabda Rasulullah SAW:

لَا يَزِينُ الْمُرْسَلُونَ حِينَ يَزِينُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرُقُ السارقَ
حِينَ يَسْرُقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرُبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرُبُهَا
وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: Seseorang penzina tidak akan berzina ketika dia berzina sedangkan dia beriman. Seseorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia mencuri sedangkan dia beriman. Seseorang peminum arak tidak akan meminum arak ketika dia meminumnya sedangkan dia beriman (Sahih al-Bukhāri, Bab: 77 – كتاب الأشربة, Juzuk: 5).

Berdasarkan kenyataan di atas, remaja berisiko ialah yang mempunyai simptom-simptom tingkah laku yang negatif. Mereka juga yang terlibat dalam pelbagai jenis salah laku yang menyimpang dan bertentangan dengan norma dan nilai yang dipersetujui oleh masyarakat.

Sehubungan ini, kajian remaja berisiko adalah merujuk kepada maksud satu himpunan andaian yang dinamik tentang sebab dan akibat yang boleh menjadikan seseorang remaja itu berada di dalam keadaan bahaya terhadap perkara negatif pada masa hadapan. Keadaan berisiko tidak semestinya berlaku sekarang tetapi boleh juga dijangka/diramal akan berlaku pada masa akan datang jika tiada intervensi dilakukan. Golongan remaja yang terlibat dalam aktiviti salah laku memerlukan satu tindakan untuk membawa mereka kembali ke pangkal jalan atau mengikut landasan yang sebenar supaya mereka tidak terus terjerumus ke arah kegiatan salah laku yang lebih berat pada masa hadapan (Fuziah Shaffie et al. 2009: 5).

CIRI-CIRI REMAJA BERISIKO

Berdasarkan kepada permasalahan remaja, kajian mengenai remaja berisiko telah dijalankan bagi mengenal pasti ciri-ciri golongan remaja yang berisiko. Mohammad Nasir Bistaman (2006) dalam kajian disertasinya dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti kebangsaan Malaysia *Kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko mendapat intervensi awal*

perkembangan remaja sekolah menengah menerusi kaunseling kelompok didapati berkesan mengenal pasti gangguan yang dialami oleh remaja berisiko. Menurut Mohammad Nasir Bistaman (2006: 13), ciri-ciri remaja berisiko adalah *pertama*, peringkat perkembangan awal remaja dalam lingkungan umur (10-15 tahun). *Kedua*, golongan ini datang dari sebuah institusi keluarga yang gagal dan tidak berfungsi. *Ketiga*, dibelenggu dengan kemiskinan keluarga dan persekitaran. *Keempat*, mempunyai masalah interaksi sosial seperti kurang sokongan daripada persekitaran sekolah, dewasa lain selain ibu bapa, pihak sekolah menghadapi masalah psikososial seperti persepsi negatif terhadap keluarga, penghargaan kendiri rendah, menghadapi simptom kemurungan, rapuh pegangan hidup, rendah daya tahan, rendah kecekapan sosial, rendah pencapaian akademik dan tidak terlibat dengan aktiviti sekolah.

Dalam Jurnal Kesihatan Masyarakat 2003: Jilid 9 yang bertajuk “*Risk behavior amongst adolescent of a rural land development scheme in Peninsular Malaysia*” oleh Hidayah et al. (2003: Jilid 9) menerusi kajian rentas yang melibatkan pelajar Tingkatan Satu di tiga rancangan pembangunan tanah di Semenanjung Malaysia bagi mengenal pasti kewujudan (*prevalens*) tingkah laku berisiko di kalangan remaja yang telah dipilih. Kajian menunjukkan tingkah laku berisiko yang paling prevalen adalah ponteng sekolah (34.4%), melepak (21.5%), membuli (21.5%), mencuri (12.9%) dan merokok (12.0%). Jantina dan tahap pendidikan ibu bapa adalah peramal signifikan untuk tingkah laku berisiko.

Kajian tentang kanak-kanak dan remaja berisiko telah dijalankan secara menyeluruh dan melibatkan pelbagai metodologi sama ada kaedah kajian kes secara sejarah individu atau kajian rentas (*cross-sectional*) dalam jangka pendek. Kajian jangka panjang (*longitudinal study*) yang melibatkan perkembangan sepanjang hayat individu bermula selepas lahir hingga ke peringkat dewasa dan tua turut dijalankan untuk mendapatkan gambaran lebih jelas pengaruh secara langsung faktor-faktor berisiko. Hal ini meliputi kajian-kajian etiologikal yang menekankan potensi kepada masalah secara biologikal atau tingkah laku seperti kajian-kajian ke atas personaliti, merangkumi genetik dan persekitaran, insiden yang berlaku serta tahap tekanan yang dihadapi. Di samping mengkaji kewujudan faktor-faktor berisiko atau faktor-faktor pencegahan yang mempengaruhi pola-pola rapuh atau daya tahan pada diri individu (Garmezy 1996) dalam Mohammad Nasir Bistaman 2006: 80).

Dalam kajian Psikologi Abnormal terutamanya perkembangan psikopatologi, ramai pengkaji telah

mengaitkan antara punca awal kekacauan adalah melibatkan faktor-faktor berisiko (persekitaran keluarga, rakan sebaya, kejiraninan, persekolahan dan kemiskinan serta pengalaman awal ketika peringkat kanak-kanak dan remaja). Akhirnya mereka menjadi remaja yang bermasalah (tingkah laku delinkuen seperti ketagihan dadah dan alkohol, gengsterisme, pelacuran, serangan seks dan depresif sehingga membawa kepada masalah membunuh orang atau bunuh diri) (Egeland et al. 1996); (Harper 2000); (Popper et al. 2000) dalam Mohammad Nasir Bistaman 2006: 81).

Di samping itu, terdapat juga kajian yang mengaitkan antara proses dalaman dan proses luaran yang berlaku pada peringkat kanak-kanak dengan diagnosis psikiatri dan psikologi pada peringkat remaja. Adalah didapati bahawa masalah kejiwaan seperti kebimbangan dan kemurungan yang berlaku di peringkat awal sekolah rendah memberi kesan kepada masalah perlakuan yang sama pada peringkat remaja. Keadaan ini memberi kesan kepada perlakuan seperti terlibat dalam perlakuan antisosial (Quinton et al. 1990), (Srauf & Rutter 1999) dalam Mohammad Nasir Bistaman 2006: 81).

Kanak-kanak dan remaja berisiko juga boleh dikenal pasti dalam konteks peringkat perkembangan, status sosioekonomi dan jantina. Daripada beberapa kajian, antara ciri-ciri kanak-kanak dan remaja bermasalah adalah berada dalam keadaan ketakutan pada peringkat awal kanak-kanak (Achenbach & Edelbrock 1981), suka membantah, bertumbuk, biadap, menghadapi masalah persekolahan pada peringkat awal remaja, mengalami kemurungan, ponteng (Edelbrock 1989) dan penyalahgunaan dadah pada peringkat akhir remaja (Edelbrock 1989, Achenbach & Edelbrock 1981). Di samping itu, kanak-kanak dan remaja daripada SES rendah didapati lebih cenderung menghadapi masalah (Achenbach & Edelbrock 1981, Achenbach et al. 1991), kurang cekap (Achenbach & rakan-rakan 1991), menghadapi masalah bersifat luaran (*externalizing behaviors*) seperti merosakkan barang-barang orang lain dan bertumbuk (Achenbach & Edelbrock 1989) berbanding dengan remaja daripada SES lebih tinggi. Masalah yang dihadapi oleh remaja daripada SES sederhana pula lebih bersifat dalaman (*internalizing behaviors*) seperti ketakutan dan kemurungan (Achenbach & Edelbrock 1989). Kanak-kanak dan remaja juga lebih bermasalah apabila kurang berhubung dengan orang dewasa di rumah, datang daripada pasangan yang bersekedudukan, ibu bapa yang tinggal berasingan atau bercerai, tinggal bersama keluarga yang mempunyai pembantu rumah dan

tinggal bersama ahli keluarga yang menghadapi masalah mental (Achenbach & rakan-rakan 1991). Di samping itu, remaja lelaki lebih tinggi ciri-ciri bermasalah berbanding remaja perempuan (Achenbach & Edelbrock 1989) dalam Mohammad Nasir Bistaman 2006: 81).

Dalam projek penyelidikan *Building Supportive Communities For At-Risk Adolescents* (Martha et al. 1998), membicarakan jenis-jenis program yang sesuai dengan remaja dalam lingkungan 10-15 tahun berdasarkan permasalahan remaja dalam konteks kajian mereka banyak melibatkan golongan tersebut. Tujuan kajian mereka adalah penilaian semula pemilihan objektif program dan perkhidmatan yang diperlukan oleh golongan muda khususnya remaja berisiko sama ada untuk memfokuskan permasalahan dari aspek pencegahan atau rawatan, golongan muda bersama keluarga masing-masing atau pun penglibatan seluruh kawasan kejiranan. Dalam kajian mereka, untuk mengenalpasti ciri-ciri golongan remaja berisiko adalah berdasarkan kepada empat pendekatan utama iaitu pertama, menurut Zuckerman (1979), perlakuan mengambil risiko (*risk-taking behavior*) adalah sebagai satu pencarian yang sensasi dalam kalangan remaja. Perlakuan mengambil risiko dilihat dalam konteks pertembungan antara kecenderungan mencari dan mencuba pengalaman baru pada peringkat remaja dengan norma sosio-budaya. Perlakuan ini merupakan perlakuan bermasalah juga walaupun dianggap sebagai normal dan adaptif bagi remaja sebagai tanda *egocentrism* peringkat remaja atau sebagai tanda mekanisme membuat keputusan (Lavery et al. 1993) dalam (Martha et al. 1998: 30). Dalam proses perkembangan sepanjang hayat manusia, perlakuan pencarian sensasi (*sensation-seeking behavior*) didapati cenderung berlaku kepada sebahagian besar remaja dan sebahagian dari perlakuan tersebut adalah di luar norma sosio-budaya dan kesannya agak membahayakan, berisiko serta di luar undang-undang.

Kedua, persekitaran berisiko. Pendekatan persekitaran berisiko pula melihat konsep berisiko difokuskan kepada faktor-faktor persekitaran yang melingkari perkembangan kehidupan remaja berbanding perlakuan remaja itu sendiri. Remaja tidak dilihat sebagai berisiko disebabkan secara personalnya terlibat dalam perlakuan bermasalah tetapi mereka dilihat berisiko kerana hidup dan berada dalam situasi dan persekitaran yang berisiko (National Network for Youth 1991; Schorr 1988) dalam Martha et al. 1998: 30). Apa yang digambarkan sebagai kanak-kanak atau remaja berisiko adalah mereka yang terdedah dengan faktor-faktor berisiko

seperti keluarga yang tidak berfungsi atau bermasalah, kemiskinan, kejiranan yang tidak selamat, tidak diterima oleh rakan sebaya, tiada sokongan daripada dewasa lain dan institusi sekolah yang teruk yang menjadikan individu tersebut rapuh dan sukar untuk menyesuaikan perlakuan mereka.

Ketiga, remaja berisiko berkait dengan anteseden dan penanda (*antecedents and markers*). Anteseden melibatkan persekitaran sosial negatif seperti keluarga yang tidak berfungsi, kemiskinan, kejiranan dan institusi tempatan yang negatif. Sistem penanda adalah seperti pencapaian akademik rendah dan kurang penglibatan aktiviti sekolah atau tandatanda lain yang berkaitan. Remaja berisiko adalah remaja yang masih belum terlibat dalam perlakuan bermasalah tetapi dengan adanya anteseden yang melibatkan persekitaran sosial negatif dan tidak menyokong serta ketidaaan faktor-faktor pelindung, maka keadaan tersebut menjadikan remaja menjadi rapuh atau rendah daya tahan serta kurang cekap.

Keempat, remaja yang sudah terlibat dalam salah laku. Ketika peringkat ini, golongan remaja akan diberikan rawatan intensif supaya tidak meneruskan salah laku demi masa depan mereka dan dikategorikan sebagai berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, golongan remaja yang sudah terjebak agak sukar ditangani kerana sudah sebat dengan salah laku dan boleh mempengaruhi golongan remaja lain mengikuti cara hidup mereka (Martha et al. 1998: 32).

Kajian-kajian yang lepas telah menunjukkan bahawa pelbagai ciri-ciri negatif yang boleh membawa kepada tingkah-laku berisiko dalam kalangan remaja. Remaja berisiko merujuk kepada individu yang mudah terdedah dengan faktor risiko digelar “individu berisiko” yang cenderung dipengaruhi faktor risiko di sekelilingnya. Ahli psikologi, pekerja sosial dan kaunselor menggunakan istilah ‘berisiko’ untuk menandakan seseorang yang mengalami kesengsaraan atau kepayahan dari segi emosi dan penyesuaian tingkah laku. Manakala ahli pendidik menggunakan istilah berisiko merujuk kepada anak-anak muda yang mudah tercincir dari alam persekolahan dan kadang-kadang juga merujuk kepada golongan belia yang tidak mempelajari ilmu kemahiran hidup selepas tamat pengajian. Ada kalanya merujuk kepada tahap penguasaan kanak-kanak terhadap pendidikan semasa sekolah menyebabkan masalah kepada kerjaya masa depan mereka (McWhirter 2004) dalam Habibah Elias et al. 2008).

Dalam kajian oleh Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008: 8), *Profil Pelajar Berisiko: Siapakah Mereka?* mengulas bahawa pelajar berisiko selalu dikaitkan dengan kecinciran, lemah dalam pencapaian akademik

dan kurang mampu belajar dengan efektif. Selain daripada itu, terdapat kajian yang dilakukan oleh Norhayati Hj. Alwi (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie 2008: 37) yang bertajuk *Falsafah Pembangunan Pelajar Berisiko* menyatakan bahawa membangunkan pelajar berisiko merupakan satu tugas yang mencabar. Hal ini kerana pelajar berisiko merupakan mereka yang dicirikan sebagai mempunyai masalah disiplin diri, harga diri yang rendah dan merasakan tidak dapat mengawal masa hadapan mereka. Mereka juga bermasalah dalam pembelajaran, kurang bersedia untuk belajar, tidak bernasib baik dari segi status ekonomi serta pendidikan dan menghadapi risiko yang lebih besar untuk memperoleh pencapaian akademik yang rendah selain mempunyai potensi tinggi untuk tercicir dari persekolahan.

Berdasarkan kenyataan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri utama remaja berisiko ialah mereka yang berlatarbelakangkan institusi keluarga yang tidak berfungsi, golongan keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah dan mengalami masalah dalam arus pendidikan akademik dan berpunca dari sistem pemikiran yang tidak rasional.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Remaja berisiko ialah golongan yang perlu diberi perhatian dan didikan oleh ibu bapa. Sebagai sebuah unit institusi keluarga yang kecil, remaja berisiko tidak boleh dibiarkan sendiri dalam mengikut arus kehidupan dalam dunia mereka sendiri. Mereka perlu dibimbing dan diterapkan nilai-nilai agama supaya dapat menjadi panduan hidup dalam berdikari. Akan tetapi, latar belakang remaja berisiko sudah menggambarkan bahawa hidup mereka terbiar oleh ibu bapa sendiri bahkan wujud hubungan yang tegang di antara ibu bapa dan anak. Berdasarkan latar belakang remaja berisiko yang sedemikian, Majdiyy al-Hilāliyy (1997: 21) telah berpendapat bahawa mereka mengalami gejala kelemahan jiwa (*الضعف النفسي*). Di antara sebab yang membawa kepada ciri-ciri lemah jiwa ialah berpunca dari para ibu bapa yang tidak mengambil berat dalam memupuk nilai-nilai yang benar dalam diri anak sejak kecil dan gaya keibubapaan dalam mendidik. Selain itu, terdapat unsur dalaman yang lemah dalam jiwa akibat kekacauan dan keretakan ahli keluarga membawa kepada seseorang membawa hal sendiri dan menjadikan kekacauan yang dihadapinya menjadi perkara biasa dan membawa pengaruh yang negatif

seperti penyakit bongkak diri (الاعتماد بالرأي) dalam berinteraksi dengan orang lain (Majdiyy al-Hilāliyy 1997: 21). Akibatnya, seseorang yang membesar dalam kekacauan boleh menumbuhkan akhlak yang tidak baik dalam diri remaja.

Dalam membicarakan soal kemiskinan, Rasulullah SAW pernah memberi peringatan kepada umatnya bahawa kemiskinan boleh membawa kepada kekufturan. Sabda Rasulullah SAW:

كاد الفقر أن يكون كفرا

Maksudnya: Hampir-hampir kemiskinan itu boleh membawa kepada kekufturan (Kitab al-Siyam, Bab al-hasanal maqasid).

Firman Allah SWT dalam surah al-Syams:

Maksudnya: Dan jiwa serta penyempurnaan (penciptaannya), maka Allah akan mengilhamkan pada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwanya itu dan sesungguhnya rugilah orang-orang yang mengotorinya (al-Quran, al-Syams 91: 7-10).

Dalam membabitkan soal pembelajaran sekolah remaja berisiko, kumpulan ini sering dicirikan sebagai mempunyai masalah disiplin diri, harga diri yang rendah dan merasakan tidak dapat mengawal masa hadapan mereka, bermasalah dalam pembelajaran, kurang bersedia untuk belajar, tidak bernasib baik dari segi status ekonomi serta pendidikan dan menghadapi risiko yang lebih besar untuk memperoleh pencapaian akademik yang rendah selain mempunyai potensi tinggi untuk tercicir dari persekolahan. Golongan pelajar berisiko mempunyai kepahayan dalam penyesuaian diri dalam dunia pembelajaran. Dalam aspek mengurus kerja sekolah, kajian Mustafā Fahmi (1967: 131), dalam satu kajian yang bertajuk *Permasalahan Penyesuaian Di Kalangan Pelajar Peringkat Menengah* menyatakan antara faktor masalah golongan pelajar ialah tidak ada peruntukan masa oleh pelajar sendiri untuk bermuzakarah dalam akademik. Hasil dapatan yang hampir sama terdapat dalam kajian G.Moris (1954), Ibrahim Syihāb (1953) dan Jabir Ḩabd al-Hamid Jābir(1966) dalam (Al-Zarrād 1997: 89).

Hasil kenyataan di atas jelas menunjukkan golongan remaja berisiko sebenarnya memang relevan kepada sistem pemikiran yang tidak rasional yang menyebabkan pola pemikiran mereka perlu dibimbing dan dipantau. Dalam Islam, golongan remaja yang telah mencapai tahap akil baligh adalah masa yang paling penting dalam pengisian keperibadian dan identiti ibadah. Seseorang remaja

yang sudah mencapai tahap baligh tidak semestinya sudah mencapai tahap kematangan akal fikiran dalam membuat sesuatu keputusan (Akram Redha 2000: 35). Abd al-Aziz Muhammad (1414 Hijrah: 39), dalam kitabnya *al-Murāhiqūn Dirāsah Nafsiyyah Islāmiyyah* membicarakan keperluan-keperluan zaman remaja yang perlu difahami oleh para ibu bapa, guru-guru dan pendakwah iaitu dari segi ibadah, sosial dan budaya. Oleh yang demikian, kegagalan dalam memenuhi keperluan mereka disebabkan oleh dua rintangan iaitu pertamanya, merujuk faktor diri remaja dan keduanya ialah faktor persekitaran (Al-Zarrād 1997: 57). Perkara yang berkaitan dengan masalah daripada diri remaja seperti matlamat hidup yang hendak dicapai tidak jelas menerusi konflik diri dan terdapat sebahagian adat yang buruk yang menguasai perasaan remaja dan belia seperti malas, bersikap acuh tidak acuh, mengabaikan agama dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am:

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwā (al-Quran, al-An'am 6: 153).

Masalah yang melanda golongan remaja atau belia turut berpunca dari persekitaran hidup mereka iaitu hubungan kekeluargaan yang buruk dan hala tuju ibu bapa dalam pendidikan kekeluargaan, kejahilan ibu bapa dan pendapatan hidup tidak mencukupi, persekitaran sekolah yang buruk, tiada peluang pekerjaan yang cukup bagi golongan belia dan sistem sosial dalam masyarakat seperti kos kehidupan yang semakin mencabar. Oleh yang demikian, permasalahan sering dikaitkan dengan keperluan dan maksud ‘keperluan’ oleh H.A. Murray dalam (Faisal Muhammad Khayr al-Zarrād 1997: 74) ialah gambaran akan sesuatu keinginan sama ada sedar ataupun tanpa sedar tidak dipenuhi. Firman Allah SWT dalam surah Yunus:

Maksudnya: Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran daripada Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman) (al-Quran, Yunus 10: 57).

Sehubungan ini, secara jelas bahawa pegangan agama adalah satu keperluan asas yang kukuh dalam menentukan pola manusia berfikir. Menurut Al-Zarrād (1995: 178), penyakit yang berkaitan dengan jiwa manusia ialah kesesatan dan kehidupan yang jauh dari agama, kelemahan iman, lemah ukuran dan nilai akhlak

dan agama, tidak melaksanakan dan mengamalkan suruhan ibadat, lemah dalam kawalan hawa nafsu, melakukan maksiat kepada Allah, menyekutukan Allah, berfikiran bebas iaitu tidak mempercayai kewujudan Allah, konflik antara nilai kebaikan dan keburukan seperti halal dan haram, hak dan batil yang kesemua faktor tersebut membawa kepada sifat kebimbangan dalam diri manusia dan menghantui jiwa dalamannya dan menyakitinya. Kesannya dapat membuatkan manusia tiada penyesuaian dari aspek jiwa dan menjadi individu yang sukar dibentuk, dalam aspek pemikiran dan sosial lantas membuatkan rasa berdosa dan akhirnya meruntun kepada tingkah laku yang menyeleweng dan menyimpang.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai rumusan dalam penulisan ini, ciri remaja berisiko adalah berlatarbelakangkan sistem keluarga yang tidak berfungsi. Akibat kemiskinan, kehidupan yang dilalui penuh dengan kekacauan dan terlepas dari ikatan kekeluargaan dan kasih sayang serta pemerhatian. Kesan kepincangan keluarga turut memberi kesan kepada alam persekolahan mereka. Oleh itu, satu penulisan baru perlu diadakan bagi membincangkan masalah utama yang dihadapi oleh golongan remaja masa kini ialah pola berfikir yang betul demi menyelamatkan mereka dari ujian-ujian kehidupan (فتنة المحيَا). Masalah remaja sememangnya dapat dihindari pada zaman Rasulullah SAW. Bahkan usia remaja pada zaman Rasulullah SAW penuh dengan pengisian ibadah dan penyertaan alam kedewasaan. Mereka tidak melalui zaman remaja yang bermasalah. Ini dibuktikan dengan kepimpinan Usāmah bin Zayd dan Saiyidina Ali, keperibadian Asmā binti Abu Bakr, ketokohan Aisyah RA yang berada di bawah panduan didikan rabbāniyy walaupun tidak bersama ibu bapa. Oleh yang demikian, satu bentuk kajian baru yang berunsurkan tema akal fikiran dan kaitannya dengan remaja berisiko menurut perspektif Islam perlu diusahakan. Akal menurut maksud daripada pandangan Imam al-Ghazali ialah ‘pengetahuan tentang hakikat segala keadaan’. Maka akal itu ibarat dari sifat-sifat ilmu yang tempatnya di hati. Maksud akal juga ditujukan kepada sifat orang yang berilmu.

RUJUKAN

al-Quran.

‘Abd al-Aziz Muhammad. 1414 H. *Al-Murāhiqūn-Dirāsah Nafsiyyah Islāmiyyah li al-Ābā’wa al-Mu’allimin wa al-Du’āt*. Al-Riyād: Dār al-Muslim.

- Abū Zahrah, Muhammad. 1965. *Tanzim al-Islam li al-Mujtama'*. Al-Qāhirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- al-'Aisāwiyy, Abd al-Rahmān Muhammad. 1999. *'Ilm al-Nafs al-Syawwāz*. Beyrūt: Dar al-Rātib al-Jāmi'iyyah.
- Akram Redha. 2000. *Syabāb bila Masyākil Rehlah min al-Dākhil*. Juz. 3. Maydan Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- 'Ali Husayn Zaydān. 1991. *Dawr al-Khidmat al-Ijtimā'iyyah fi al-'Amal ma'a al-Munharifin*-(Al-Khidmat al-Ijtimā'iyyah fi al-Islām). Al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismā'il bin Ibrāhim bin al-Mughirah al-Bukhāri. t.th. *Sahih al-Bukhāri*. Wizārah al-Awqāf al-Misriyyah.
- Burt, M.R. et al. 1998. *Building Supportive Communities for At-Risk Adolescents*. Washington, DC: American Psychological Association.
- Fākhīr 'Āqil. 1963. *'Trif Nafsaq Dirāsah Saikolojiyyah*. 1963. Beyrūt: Dar al-'Ilm li al-Malāyin.
- al-Fayrūz, Majd al-Din Muhammad bin Ya'aqūb. 1995. *Al-Qāmūs al-Muhit*. Beyrūt: Dār al-Fikr.
- Fuziah Shaffie et al. 2009. *Profil Remaja Berisiko Tinggi*. Sintok: UUM.
- Habibah Elias et al. 2008. *Psychological Profile of At-Risk Students in Malaysia*. Serdang: UPM.
- Hidayah N.I. et al. 2003. Risk behaviour amongst adolescent of a rural land development scheme in Peninsular Malaysia. *Jurnal Kesihatan Masyarakat* 9.
- al-Hilāliyy, Majdiyy. 1997. *Dhāhirah al-Da'fi al-Nafsiyy*.
- Maydan Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Majlis Sosial Negara. Subsistem 11: 1. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
- Mohammad Nasir Bistaman. 2006. Kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko. Disertasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hāmid al-Nāsir & Khaulah Darwish. 1997. *Tarbiyah al-Murāhiq fi Rihāb al-Islam*. Beyrūt: Dar Ibn Hāzim.
- Mustafa Fahmi. 1967. *Al-Sihhah al-Nafsiyyah fi al-Usrah wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Al-Qāhirah: Dar al-Thaqāfah.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. 2008. *Memahami Pelajar Berisiko*. Serdang: UPM.
- al-Zarrād, Faisal Muhammad Khayr. 1997. *Mushkilāt al-Murāhiqah wa al-Syabāb*. Beyrūt: Dār al-Nafāis.
- Azzyati Mohd Nazim
 *Fariza Md. Sham
 **Salasiah Hanin Hamjah
 Jabatan Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor D.E.
 MALAYSIA
 *farisham@ukm.my
 **salhanin@ukm.my/ salhanin@yahoo.com

